

● Keris menjadi kebanggaan orang Melayu.



Memelihara kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

menyangka sebuah istana kayu yang tersergam indah di kaki bukit St Paul, Bandar Hilir di sini, hanya bangunan penghias kawasan bersejarah yang turut menempatkan kota A'Famosa. Sebenarnya itulah Muzium Istana Kesultanan Melaka.

Istana dibina dengan kayu keras

PENGURUS Besar Perzim, Khamis Abas berkata muzium yang siap dibina pada 1984 direka berdasarkan catatan Sejarah Melayu yang menggambarkan keunikan seni bina istana Melayu di zaman Sultan Mansur Shah yang memerintah Melaka antara tahun 1456 dan 1477.

"Muzium tiga tingkat ini pada asalnya diberi nama Muzium Budaya sebelum ditukar nama kepada Muzium Istana Kesultanan Melaka pada 2005 sesuai dengan fungsinya memelihara warisan Kesultanan Melayu Melaka," katanya kepada Bernama di sini.

Khamis berkata struktur muzium itu dibina dengan menggunakan kayu keras manakala atap muzium itu dibina menggunakan kayu jenis Belian dan muzium itu dibina menggunakan sistem pasak tanpa menggunakan

paku. Tingkat satu muzium itu menempatkan sebuah balai rong seri, satu beranda utama sebagai tempat menyambut tetamu, enam beranda anak yang digunakan sebagai tempat menunggu untuk menghadap Sultan, sebuah ruang menyambut tetamu dan sebuah ruang perbincangan.

Balai rong seri muzium itu mempamerkan diorama suasana sebenar ketika pembesar menghadap Sultan membincangkan hal ehwal negeri manakala beranda di sekeliling tingkat itu mempamerkan enam diorama menggambarkan suasana zaman itu seperti pemain-pemain nobat yang mengalunkan muzik nobat untuk Sultan dan meraikan kedatangan pedagang asing ke negeri ini.

Pertarungan Hang Tuah, Hang Jebat

PALING istimewa, diorama yang dipamerkan di ruang perbincangan, iaitu pertarungan dua pahlawan legenda zaman itu, Hang Tuah dan Hang Jebat mempertahankan prinsip masing-masing, selain mempamerkan pelbagai fakta sejarah memaparkan sejarah hidup dua sahabat yang disanjung sehingga ke hari ini.

Tingkat kedua muzium itu menempatkan replika sebenar bilik



● Permainan tradisional gamelan.

penggalian arkeologi Kota Melaka, Bastion Hendrieta Louisia yang sedang diselidik oleh Jabatan Warisan Negara sejak awal tahun ini.

Peralatan tradisional, artifak

MUZIUM Istana Kesultanan Melaka menempatkan pelbagai jenis barangan daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka, ada di antaranya artifak sebenar zaman itu yang kebanyakannya diperoleh daripada masyarakat Melaka sendiri yang mewarisi barangan itu daripada nenek moyang mereka dan ada juga merupakan replika yang diolah semula.

pelbagai jenis. Di samping pelbagai jenis senjata, muzium itu menempatkan lebih 20 set pakaian tradisional masyarakat berbilang kaum Malaysia.

Paling istimewa di bahagian pameran pakaian ini ialah pameran 10 jenis lipatan tanjak yang hanya boleh dipakai oleh Yang di-Pertuan Agong dan sembilan Sultan yang masih memerintah.

"Adalah satu kesalahan untuk rakyat biasa memakai tanjak yang dilipat berdasarkan lapan jenis lipatan ini antaranya "Lipatan Dendam Tak Sudah" yang hanya boleh dipakai Yang di-Pertuan Agong, "Lipatan Ketam Budu" yang hanya boleh dipakai Sultan Kelantan dan "Lipatan Singa Menoleh" yang hanya boleh dipakai

Bandar raya warisan dunia, Melaka, yang juga bakal dinobatkan sebagai negeri maju pada Oktober ini, memiliki warisan sejarah sejak lebih 600 tahun dulu.

Warisan sejarah Kesultanan Melayu Melaka menjadi kebanggaan negeri dan Perbadanan Muzium Negeri Melaka (Perzim) diamanahkan untuk memelihara khazanah itu.

Perzim menubuhkan Muzium Istana Kesultanan Melaka yang dirasmikan pembukaannya pada 1986 oleh Perdana Menteri ketika itu (Tun) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mungkin ramai yang



● Menara Jam Bandar Hilir.

menempatkan replika sebenar bilik beradu Sultan Melaka lengkap dengan perabot juga perhiasannya dan menurut cerita pada zaman itu, sesiapa yang memasuki bilik itu tanpa kebenaran Sultan akan dihukum pancung.

Ruang khazanah di tingkat tiga digunakan sebagai tempat menyimpan pelbagai jenis senjata lama juga barang lama yang tidak dipamerkan dan bilik ini sentiasa dikawal suhu dan keadaan persekitarannya supaya barang yang disimpan kekal dalam keadaan baik.

Perkarangan kawasan muzium itu tidak kurang hebatnya dengan adanya kota A'Famosa dan tapak

semula.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui masyarakat Melayu di Nusantara ini merekabentuk beberapa jenis meriam antaranya meriam kecil mudah alih diberi nama 'Ekor Lotong' yang panjangnya kira-kira 250cm.

Muzium itu menempatkan tiga meriam Ekor Lotong di samping lebih 30 keris pelbagai jenis, kebanyakannya jenis Keris Semenanjung berhulu Jawa Demam, lebih 15 bilah parang pelbagai jenis dan lebih 20 tombak

Menoleh" yang hanya boleh dipakai Sultan Johor," kata Khamis.

Selain itu, muzium ini menempatkan lebih 20 barang tembikar kebanyakannya jenis tembikar Cina dan lebih daripada 30 barangan tembaga antaranya pending bangsawan Melayu, tepak sireh, pahar dan cucuk sanggul.

Muzium dibuka setiap hari antara pukul 9 pagi dan 5.30 petang manakala tiket berharga RM2 untuk orang dewasa dan RM0.50 kanak-kanak atau pelajar sekolah. - Bernama.



● Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka.